



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PRODUK TRADISIONAL NAN BAO (CAPSULE) DIKESAN
MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL SILDENAFIL**

1. Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menggesa orang awam untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan produk tradisional berikut yang telah dikesan mengandungi racun berjadual sildenafil.

Nama Produk (No. Pendaftaran)	Pemegang Pendaftaran Produk	Pengilang	Bahan Campur Palsu Yang Dikesan
Nan Bao (capsule) MAL19962457T	Sinma Medical Products (M) Sdn Bhd	Lisheng Pharm Fty Tianjin, China	Sildenafil

2. Pendaftaran produk ini telah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada mesyuaratnya yang ke-331 berikutan pengesanan racun berjadual sildenafil di dalam produk berkenaan yang tidak dibenarkan dalam formulasi produk tradisional.

PERIHAL BAHAN RACUN BERJADUAL

3. Sildenafil adalah sejenis ubat yang digunakan untuk merawat kegagalan fungsi erektil atau mati pucuk. Ubat-ubat yang mengandungi sildenafil hanya boleh dibekalkan oleh doktor atau diperoleh dari farmasi dengan preskripsi doktor. Penggunaan sildenafil tanpa pengawasan doktor boleh menyebabkan kesan advers serius seperti pengurangan atau kehilangan penglihatan dan pendengaran, penurunan tekanan darah mendadak sehingga ke peringkat merbahaya dan kesan terhadap sistem kardiovaskular seperti strok dan serangan jantung.

4. Sildenafil dan analognya adalah tidak dibenarkan dalam ubat yang dikelaskan sebagai ubat tradisional. Penggunaan ubat ini adalah sangat berbahaya bagi orang awam yang berisiko tinggi terhadap kesan advers tersebut terutamanya pesakit bermasalah jantung seperti angina yang mengambil ubat *nitrate*.

PERINGATAN

5. Penjual dan pengedar produk ini perlu menghentikan penjualan dan pengedarannya dengan serta-merta. Pejualan dan pengedaran produk ini adalah melanggar Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

6. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan-kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

7. Orang awam yang sedang menggunakan produk ini dinasihatkan untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat dari profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan advers.

8. Orang awam boleh menyemak status pendaftaran sesuatu produk melalui laman sesawang <https://:npa.moh.gov.my> atau menghubungi NPRA di talian 03-78835400.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

12 Februari 2019

LAMPIRAN

